

BAB 2


Agenda PKS di Peringkat Global & Serantau dan Pengantarabangsaan



Bab 2

Agenda PKS di Peringkat Global & Serantau dan Pengantarabangsaan

Pengantarabangsaan merangkumi aktiviti perniagaan yang antaranya termasuk pengeksportan atau pengimportan secara langsung, usaha sama dengan rakan kongsi asing, melabur di luar negara, bertindak sebagai subkontraktor kepada perusahaan asing serta pemfrancaisan dan pelesenan. Pengeksportan langsung merupakan salah satu bentuk pengantarabangsaan yang paling umum bagi PKS sebagai laluan strategik bagi sektor ini meningkatkan penglibatan di peringkat antarabangsa.



PKS yang mengeksport dikenali secara meluas sebagai PKS yang cenderung mengalami pertumbuhan yang lebih pesat berbanding PKS yang tidak mengeksport. PKS yang mengeksport lebih bersedia untuk meningkatkan produktiviti dan aktiviti inovasi mereka. Namun begitu, PKS yang ingin menembusi pasaran global sering menghadapi isu merentasi sempadan, lantas mewajarkan dasar sokongan Kerajaan untuk memudahkan pengantarabangsaan PKS. Cabaran dalam menggubal dasar sokongan terletak pada kepelbagaiannya ciri PKS dan kekurangan keseragaman dalam sektor ini menimbulkan cabaran yang besar dalam menggubal dasar yang bertujuan untuk memudahkan pengantarabangsaan. Senario seperti ini menggariskan fungsi penting bagi inisiatif yang disasarkan dalam mencapai matlamat dasar PKS.

Di peringkat serantau, akses kepada maklumat mengenai peluang perniagaan yang berkait dengan perjanjian perdagangan bebas dan perjanjian perdagangan serantau yang tersedia dapat membantu mempromosikan pengantarabangsaan PKS. Kumpulan serantau

seperti Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (Association of Southeast Asian Nations, ASEAN) dan Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Asia-Pacific Economic Cooperation, APEC) bersama-sama dengan Pertubuhan Perdagangan Dunia (World Trade Organisation, WTO) dan Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) adalah antara organisasi yang terlibat dalam usaha meningkatkan tahap pengantarabangsaan PKS. Usaha diteruskan menerusi platform antarabangsa ini dan lain-lain fora antarabangsa bagi terus menambah baik persekitaran perniagaan secara keseluruhan serta mengurangkan halangan perdagangan yang boleh meningkatkan pengantarabangsaan PKS.

INISIATIF PENGANTARABANGSAAN APEC

APEC merupakan forum ekonomi terkemuka yang menyokong pertumbuhan ekonomi mampan dan kemakmuran di rantau ini. Terdapat kerjasama yang mantap dalam kalangan kumpulan 21 negara anggota dalam mengejar agenda untuk membina komuniti Asia Pasifik yang dinamik dan harmoni dengan memperjuangkan perdagangan dan pelaburan bebas dan terbuka; mempromosikan dan mempercepatkan integrasi ekonomi serantau; menggalakkan kerjasama ekonomi dan teknikal; serta memudahkan persekitaran perniagaan yang lestari dan memuaskan.

Kesemua anggota ekonomi terus melaksanakan langkah-langkah dalam empat bidang utama Pelan Strategik Kumpulan Kerja Perusahaan Kecil dan Sederhana (*Small and Medium Enterprises Working Group, SMEWG*) 2017 – 2020, iaitu:

1

Keusahawanan,
inovasi serta
ekonomi internet
dan digital.

2

Akses pasaran
kepada PKS.

3

Pembentukan
untuk
pengembangan
perniagaan dan
pembangunan
kapasiti.

4

Ekosistem
perniagaan
inklusif yang
menyokong
pertumbuhan
PKS.

Mesyuarat PKS APEC Peringkat Menteri ke-25 yang telah diadakan di Concepcion, Chile, dari 5 - 6 September 2019 memberi penekanan kepada Pembentukan PKS dan Transformasi Digital dalam Ekonomi Globalisasi sebagai tumpuan dalam kenyataan menteri yang merangkumi tiga subtopik:

- Transformasi Digital untuk PKS dan Usahawan;
- Menggalakkan Pembentukan untuk PKS dan Usahawan; dan
- PKS dan Pengantarabangsaan: Kaedah Menjalankan Perniagaan yang Lebih Baik dalam Dunia Globalisasi.



Bagi menyokong aktiviti-aktiviti dalam tiga bidang tumpuan, APEC telah menjalankan pelbagai program dan memperkenalkan inisiatif termasuk ekonomi digital, etika perniagaan, akses pasaran dan pengantarabangsaan seperti berikut:

- Bengkel APEC mengenai Peluang dan Cabaran bagi PKS Runcit dalam Ekonomi Internet dan Digital;
- Forum Etika Perniagaan untuk PKS APEC 2020: Merealisasikan Deklarasi Nanjing kepada Penerapan Kod Etika Sejagat;
- Tinjauan terhadap Sektor PKS di Rantau APEC: Isu-isu Utama mengenai Akses Pasaran dan Pengantarabangsaan;
- Forum Ekonomi Digital PKS APEC;
- Program Latihan Organisasi Promosi Perdagangan: Latihan dalam Talian untuk Menyokong Usahawan Wanita memperolehi Akses kepada Pasaran Global;
- Membangunkan PKS untuk Masa Hadapan: Menghadapi Cabaran Global menerusi Inovasi dan Kelestarian; dan
- Bengkel untuk PKS di APEC: Memperkasa Revolusi Perindustrian 4.0 dalam Meningkatkan Prestasi Ekonomi PKS berorientasikan Eksport.

Inisiatif utama yang sedang dijalankan di bawah SMEWG termasuk perkongsian amalan terbaik berterusan dalam kalangan anggota ekonomi pada mesyuarat SMEWG. Amalan terbaik berikut telah dikongsi semasa Mesyuarat SMEWG ke-49 di Chile dari 3 - 4 September 2019:

- Hong Kong, China - Menyokong Keusahawanan Sosial;
- Chinese Taipei - Inovasi Model Perniagaan untuk PKS;
- Chinese Taipei - Pembuatan Pintar dan Inovasi Perkakasan IoT untuk PKS;
- Thailand - Belanjawan Bersepadu untuk Promosi PKS bagi Tahun Fiskal 2020 di bawah Agenda;
- New Zealand - Forum Produktiviti dan Prestasi PKS;
- Amerika Syarikat - Menggalakkan Inovasi Perniagaan Kecil: Program Penyelidikan Inovasi Perniagaan Kecil;
- Singapura - Penyelesaian e-Pembayaran Bersatu Singapura untuk Pembayaran Mikro; dan
- Brunei Darussalam - Mempromosikan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana di Brunei Darussalam dan Luar Negara.

APEC turut mengeluarkan penerbitan berikut pada tahun 2019 dan 2020:

- Laporan mengenai Pelaksanaan Kod Etika oleh Persatuan Industri Peranti Perubatan APEC 2019;
- COVID-19, 4IR dan Pekerjaan Masa Hadapan;
- Dialog Awam-Swasta APEC mengenai Perkongsian Ekonomi dan Kesinambungan Teknologi Digital untuk Pembangunan Inklusif;
- Analisis Trend Serantau APEC - *What Goes Around Comes Around*: Berkisar ke arah Ekonomi Kitaran; Ujian Ketidakpastian Ketahanan APEC dalam tempoh COVID-19;
- Tinjauan terhadap Sektor PKS di Rantau APEC: Isu-isu Utama mengenai Akses Pasaran dan Pengantarabangsaan;
- Penyelidikan mengenai Mempromosikan Perdagangan dalam Perkhidmatan oleh PKS dan Usahawan Wanita; dan
- Peranan Kemampuan Pengurusan bagi PKS.

Selaras dengan bidang utama di bawah Pelan Strategik SMEWG, Malaysia telah menganjurkan *APEC Young Entrepreneurs Kick-Off* yang diadakan dari 18 - 19 Februari 2020 di Kuala Lumpur. Bengkel ini diadakan bersempena Malaysia menjadi tuan rumah bagi penganjuran APEC 2020, menyasarkan untuk menyampaikan set kemahiran dan pengetahuan yang relevan kepada usahawan muda bagi membantu memanfaatkan potensi mereka serta menyokong pemerkasaan ekonomi belia melalui penciptaan ekosistem keusahawanan berpusatkan belia yang lestari. Seramai 184 peserta tempatan dan antarabangsa serta 19 penceramah dan moderator terkemuka dari tujuh ekonomi APEC telah mengambil bahagian dalam bengkel ini.

Bengkel ini berfungsi sebagai platform bagi usahawan muda meningkatkan kepintaran dan keupayaan perniagaan mereka yang akan membawa kepada pengeksportan. Bengkel ini juga membolehkan para usahawan muda bertukar idea dan pengalaman dengan rakan setara, lantas meningkatkan rangkaian perniagaan mereka. Sesi pembentangan (*pitching*) yang diadakan semasa bengkel ini sangat berguna bukan hanya untuk meningkatkan profil usahawan muda di pentas antarabangsa tetapi juga untuk meningkatkan rangkaian mereka di rantau APEC. Bengkel yang diadakan merangkumi sesi interaktif dan perkongsian yang dipimpin oleh penceramah dan moderator terkemuka dari ekonomi APEC serta penceramah antarabangsa lain.

INISIATIF PENGANTARABANGSAAN ASEAN

Di ASEAN, PKS merangkumi antara 88.8% dan 99.9% daripada jumlah pertubuhan di semua negara anggota dan menggaji antara 51.7% dan 97.2% daripada jumlah tenaga kerja. Sumbangan PKS kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) di negara anggota, masing-masing dalam julat antara 30.0% hingga 53.0% dengan sumbangan kepada eksport antara 10.0% hingga 29.9%. Data ini menunjukkan peranan penting yang dimainkan oleh PKS menerusi pelbagai aktiviti perniagaan dan kehadiran mereka di bandar dan luar bandar dalam menyumbang kepada penjanaan pendapatan dan pewujudan pekerjaan serta pemerkasaan jantina dan belia.

SME Corp. Malaysia, sebagai agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) telah mengambil peranan dengan menyokong Jawatankuasa Penyelarasan ASEAN bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (*ASEAN Coordinating Committee on Micro, Small and Medium Enterprises*, ACCMSME). Mesyuarat ACCMSME diadakan secara dwitahunan mengikut giliran antara negara anggota ASEAN. Pada tahun 2019, mesyuarat ACCMSME ke-7 telah diadakan dari 22 - 26 April 2019 di Nha Trang City, Vietnam, manakala mesyuarat ACCMSME ke-8 telah diadakan di Phnom Penh, Kemboja, dari 25 - 29 November 2019.

Dengan Pelan Tindakan Strategik ASEAN bagi Pembangunan PKS (*Strategic Action Plan for SME Development*, SAP SMED) 2016 - 2025 telah pun berada di peringkat pertengahan pelaksanaannya, kajian separuh penggal rancangan ini sedang dijalankan pada tahun 2020 bagi menilai kemajuan yang telah dicapai setakat ini, serta untuk menilai hasil dan kesan daripada garis tindakannya. Berdasarkan pengesahan yang dilakukan pada bulan November 2019, 70.0% daripada garis tindakan telah berjaya dilaksanakan.

Pada mesyuarat terakhir ACCMSME, penyampaian utama bagi tahun 2020 seperti berikut telah diterima guna:

-
- KEUTAMAAN 01** Pelancaran Penjenamaan Semula Pusat Perkhidmatan PKS ASEAN.
 - KEUTAMAAN 02** Pembangunan Kit Peralatan Diagnostik Kendiri Digitalisasi.
 - KEUTAMAAN 03** Garis Panduan Dasar untuk Mempromosikan Syarikat di Peringkat Permulaan (*Start-ups*) dan Inovasi Digital.
 - KEUTAMAAN 04** Penyertaan Syarikat di Peringkat Permulaan ASEAN dalam Minggu ASEAN-Korea *Start-up* (program kerjasama yang dicadangkan oleh Korea di bawah Perkongsian ASEAN-ROK *Start-up*).
 - KEUTAMAAN 05** Garis Panduan untuk Mempromosikan Perniagaan Inklusif (*Inclusive Business*, IB) dan Persidangan IB ke-3.
 - KEUTAMAAN 06** Mempromosikan Rangkaian PKS ke Rantaian Nilai Global.

Mesyuarat ACCMSME ke-9 (15 – 17 Jun 2020) dan ke-10 (8 – 10 Disember 2020) telah dijalankan secara maya berikutan penularan COVID-19. Mesyuarat berkenaan telah mengumpulkan kesemua sepuluh negara anggota ASEAN dalam satu platform maya untuk mengadakan perbincangan mengenai pelbagai isu, perkongsian amalan terbaik, serta pembangunan bersama pelan tindakan, strategi dan pelaksanaan pelbagai inisiatif untuk PKS dan pembangunan keusahawanan seperti yang telah ditetapkan di bawah SAP SMED 2016 - 2025.

Antara perkara yang dibincangkan adalah langkah-langkah serantau dan domestik yang diambil sebagai tindak balas terhadap pandemik COVID-19, termasuk perkongsian berterusan tentang langkah-langkah dasar di setiap negara anggota dan rancangan untuk menjalankan kaji selidik serantau mengenai kesan pandemik terhadap perusahaan mikro, kecil dan sederhana. Mesyuarat turut membincangkan mengenai Pembangunan Garis Panduan Serantau untuk Perniagaan Inklusif di ASEAN; Pembangunan Garis Panduan

Serantau mengenai syarikat di peringkat permulaan di bawah inisiatif Ekosistem ASEAN-ROK Start-up; Menghubungkan Pusat-pusat Inovasi di ASEAN; Portal Web Pusat Perkhidmatan PKS ASEAN; dan Status Terkini Projek mengenai Sokongan Pemantauan Petunjuk Prestasi Utama SAP SMED 2016 - 2025: Fasa 2 Menjelang 2020. ACCMSME akan menjalankan kajian separuh penggal bagi tempoh 2016 - 2020 untuk mengukur tahap kemajuan yang dicapai sehingga kini.

Pandemik COVID-19 juga disebut dalam Deklarasi dan Kenyataan bersama Pemimpin dan Menteri ASEAN, dengan penekanan terhadap mempromosikan penggunaan teknologi digital untuk membolehkan perusahaan mikro, kecil dan sederhana kekal beroperasi dalam keadaan krisis.

Pencapaian ACCMSME pada tahun 2019 adalah seperti berikut:

- **Program Rangkaian Usahawan Wanita ASEAN-Jepun**

SME Corp. Malaysia dengan kerjasama ASEAN Japan Center (AJC) telah menganjurkan Program Rangkaian Usahawan Wanita ASEAN-Jepun (*ASEAN-Japan Women Entrepreneurs' Linkage Program*, AJWELP) dari 27 - 30 Januari 2019 di Kuala Lumpur. AJWELP menyasarkan untuk memperkasa usahawan wanita ASEAN di peringkat permulaan bagi menambah baik komuniti mereka dengan memperkenalkan dan membangunkan produk dan perkhidmatan baharu. Menerusi AJWELP dan rangkaiannya, para peserta diberi peluang untuk meningkatkan kemahiran keusahawanan dan persembahan mereka serta membangunkan rangkaian dengan syarikat-syarikat lain, usahawan berpengalaman dan rakan setara AJWELP.

- ***ASEAN Mentorship for Entrepreneurs Network - Program Rintis Bimbingan Mentor ASEAN untuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana di Malaysia***

ASEAN Mentorship for Entrepreneurs Network (AMEN) bertujuan mewujudkan sistem yang membolehkan perusahaan mikro, kecil dan sederhana mendapat akses kepada 3M: Money (Wang), Market (Pasaran) dan Mentorship (Bimbingan Mentor). Objektif program ini adalah untuk membantu perusahaan mikro, kecil dan sederhana menambah baik operasi perniagaan mereka serta meningkatkan keuntungan dan kelestarian bagi memenuhi agenda pertumbuhan inklusif. Program rintis bertujuan mewujudkan satu set modul universal untuk program AMEN yang boleh digunakan di rantau ASEAN.

SME Corp. Malaysia bersama-sama dengan Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN (*ASEAN Business Advisory Council*, ASEAN BAC) Malaysia telah menganjurkan program rintis AMEN di Malaysia pada 20 Ogos 2019 bagi mendapatkan maklum balas mengenai cadangan modul daripada PKS tempatan. Program rintis ini telah dihadiri oleh 18 mentor daripada pelbagai latar belakang dan 30 perusahaan mikro, kecil dan sederhana Malaysia sebagai menti. Wakil-wakil daripada ASEAN BAC Brunei Darussalam, Kemboja, Indonesia, Republik Demokratik Rakyat Laos, Myanmar, Filipina, Thailand dan Vietnam juga telah hadir untuk melihat dan mengkaji semula program rintis berkenaan. Selepas Malaysia, dua lagi program rintis telah dijalankan pada 12 September 2019 di Indonesia dan 27 September 2019 di Filipina.

• Bengkel Akses PKS kepada Sumber Pembiayaan Alternatif di ASEAN

SME Corp. Malaysia, di bawah MEDAC, bersama-sama dengan OECD dan Sekretariat ASEAN telah bersama-sama menganjurkan Bengkel Akses PKS kepada Sumber Pembiayaan Alternatif di ASEAN dari 5 - 6 November 2019 di Kuala Lumpur. Seramai 148 peserta yang terdiri daripada PKS serta wakil daripada sektor awam dan swasta telah menghadiri bengkel ini.

Bengkel selama satu setengah hari ini menampilkan 28 penceramah terkemuka dari OECD dan negara anggota ASEAN bagi membincangkan perkembangan pasaran dan dasar untuk mekanisme pembiayaan alternatif PKS di Asia Tenggara serta pelbagai sumber pembiayaan alternatif lain untuk perusahaan mikro, kecil dan sederhana seperti pendanaan ekuiti ramai (*equity crowdfunding*, ECF), modal teroka (*venture capital*, VC), pembiayaan perdagangan dan pemajakan. Menerusi bengkel yang diadakan, dapat disimpulkan bahawa terdapat skop yang cukup besar bagi pembuat dasar untuk membolehkan kepelbagaian dalam ekosistem pembiayaan PKS yang lebih besar.

Draf laporan mengenai Instrumen Pembiayaan Alternatif untuk PKS ASEAN yang dibentangkan dalam bengkel ini menunjukkan bahawa minat dan penglibatan pelabur dalam pasaran pembiayaan PKS - pelaburan modal teroka, ekuiti awam dan pemfaktoran - di negara-negara ASEAN telah berkembang sejak sedekad yang lalu, didorong oleh pembangunan makroekonomi serantau yang kukuh dan trend demografi yang baik. Antara bidang lain yang menjanjikan potensi adalah teknologi kewangan atau pembiayaan dengan kemampuan teknologi kewangan yang mengalami perkembangan pesat, seperti yang ditunjukkan dalam kadar pertumbuhan tiga digit bagi pembiayaan antara rakan setara (*peer-to-peer*, P2P) dan pendanaan ekuiti ramai dalam beberapa tahun kebelakangan ini di kebanyakan negara anggota ASEAN. Laporan tersebut menekankan potensi teknologi kewangan untuk meningkatkan rangkuman kewangan di rantau ini dengan capaian kepada segmen populasi yang kurang menerima perkhidmatan daripada pihak bank, sehingga dapat membawa usahawan yang berada dalam sektor tidak formal kepada sektor formal. Di samping itu, risiko yang timbul berkaitan dengan pembiayaan berdasarkan blok rantai (*blockchain*) dan pembiayaan alternatif dalam talian untuk pengguna serta perlindungan pelabur turut ditekankan.

Antara bidang lain yang menjanjikan potensi adalah teknologi kewangan atau pembiayaan dengan kemampuan teknologi kewangan yang mengalami perkembangan pesat, seperti yang ditunjukkan dalam kadar pertumbuhan tiga digit bagi pembiayaan antara rakan setara dan pendanaan ekuiti ramai dalam beberapa tahun kebelakangan ini di kebanyakan negara anggota ASEAN.

Antara cadangan dasar yang disyorkan bagi memacu pembangunan dan penerapan instrumen pembiayaan alternatif adalah pengawalseliaan dan pembaharuan undang-undang; campur tangan Kerajaan dengan perancangan yang teliti dan ditentukur; insentif langsung dan tidak langsung bagi pelabur dan pengguna pembiayaan; usaha untuk memupuk ekosistem PKS yang rancak; promosi pendidikan kewangan; dan peningkatan kemahiran PKS.

Kesimpulan awal bagi draf laporan OECD-ASEAN menunjukkan bahawa Malaysia memperolehi manfaat daripada pasaran yang matang dalam kebanyakan instrumen pembiayaan alternatif, termasuk ekuiti swasta dan pembiayaan modal teroka untuk PKS, yang merupakan ‘juara pasaran’ bersama dengan Singapura dan Indonesia. Relatif kepada negara anggota ASEAN yang lain, Malaysia memperolehi manfaat daripada persekitaran pro-perniagaan dan ekosistem yang rancak, keyakinan pelabur yang tinggi dan aliran urus niaga yang sihat serta pilihan keluar untuk pelabur. Laporan awal juga telah menganalisis campur tangan dasar oleh Kerajaan Malaysia dan pengawalselia dalam pelbagai pasaran untuk pembiayaan alternatif PKS. Laporan akhir mengenai Instrumen Pembiayaan Alternatif untuk PKS ASEAN telah diterbitkan pada 23 September 2020.

PROGRAM LATIHAN NEGARA KETIGA: PEMBANGUNAN PKS UNTUK NEGARA-NEGARA AFRIKA 2019

Dalam meneruskan komitmen Malaysia untuk memupuk kerjasama teknikal serantau dan subserantau khususnya dalam kalangan negara membangun, SME Corp. Malaysia telah bekerjasama dengan Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (Japan International Cooperation Agency, JICA) Pejabat Malaysia dan Kementerian Luar Negara Malaysia untuk menganjurkan Program Latihan Negara Ketiga (*Third Country Training Programme, TCTP*): Pembangunan PKS untuk Negara-negara Afrika yang diadakan dari 6 - 19 Oktober 2019 di Kuala Lumpur. Sepuluh pegawai Kerajaan dari Ethiopia, Ghana, Mauritius, Nigeria, Tanzania dan Uganda telah menyertai program ini. TCTP dirancang untuk memudahkan perkongsian maklumat dan pengalaman dalam menggubal dan melaksanakan dasar dan inisiatif pembangunan PKS.

Selama beberapa tahun, SME Corp. Malaysia telah berkongsi amalan terbaik dan dasar mengenai pembangunan PKS menerusi platform TCTP serta meneroka potensi perkongsian bagi inisiatif PKS serantau dan global. Menerusi program ini, imej Malaysia telah dipertingkatkan ke tahap antarabangsa dan hubungan yang lebih erat telah dijalankan untuk manfaat ekonomi bersama.

AKSES YANG LEBIH LUAS KEPADA RANTAIAN NILAI GLOBAL DAN PENGANTARABANGSAAN MELALUI PERJANJIAN PERDAGANGAN BEBAS

Sehingga bulan Disember 2020, Malaysia telah menandatangani 16 Perjanjian Perdagangan Bebas (*Free Trade Agreements, FTA*) dan melaksanakan 14 FTA (tujuh FTA dua hala dan tujuh FTA serantau), termasuk dua FTA terkini yang masih menunggu untuk diratifikasi

dan mulai berkuat kuasa, iaitu Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (*Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership, CPTPP*) dan Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (*Regional Comprehensive Economic Partnership, RCEP*) yang masing-masing ditandatangani pada 8 Mac 2018 dan 15 November 2020.

Menurut Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), perdagangan dengan negara-negara yang termasuk dalam FTA serantau dan dua hala merangkumi 66.7% daripada jumlah perdagangan Malaysia atau RM1.22 trilion pada tahun 2019. Eksport ke negara-negara FTA berjumlah RM672.1 bilion manakala import berjumlah RM551.5 bilion. Setakat sembilan bulan pertama tahun 2020, perdangan dengan rakan FTA merangkumi 66.5% atau RM860.6 bilion. Eksport berjumlah RM483.3 bilion, sementara import berjumlah RM377.3 bilion.

Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (*Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership, CPTPP*)

Setelah Amerika Syarikat menarik diri daripada Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (*Trans-Pacific Partnership Agreement, TPPA*) pada tahun 2017, perjanjian perdagangan bebas, CPTPP telah dibentuk antara 11 negara di rantau Asia Pasifik iaitu Australia, Brunei Darussalam, Kanada, Chile, Jepun, Malaysia, Mexico, New Zealand, Peru, Singapura dan Vietnam. Perjanjian ini telah ditandatangani pada 8 Mac 2018 oleh kesemua 11 negara yang mengambil bahagian di Santiago, Chile.

CPTPP mula berkuat kuasa pada 30 Disember 2018 bagi Australia, Kanada, Jepun, Mexico, New Zealand dan Singapura, dan pada 14 Januari 2019 bagi Vietnam, dengan jangkaan bagi negara-negara lain iaitu Brunei, Chile, Malaysia dan Peru untuk mengikutinya pada masa hadapan. Pada bulan Jun 2020, Kabinet Malaysia telah bersetuju dengan pelanjutan proses ratifikasi yang memerlukan pindaan terhadap 19 perundangan sebelum ratifikasi dan pelaksanaannya.

Setelah mendapat ratifikasi, Malaysia akan memperolehi manfaat daripada CPTPP dengan mewujudkan tiga rakan kongsi FTA baru dengan Kanada, Mexico dan Peru. Sehingga kini, kesemua empat negara yang tidak mendapat ratifikasi masih diundang ke semua mesyuarat berkaitan di bawah CPTPP sebagai ‘pemerhati’.

CPTPP mengikat anggotanya yang mewakili pasaran dengan 500 juta orang dengan gabungan KDNK sebanyak US\$10 trilion (13.5% KDNK dunia). Melihat kepada potensi besar ini, segala usaha sedang dilakukan untuk membantu negara-negara anggota membangun untuk membina keupayaan dan kemampuan mereka menerusi pelbagai program kerja dan perkongsian amalan terbaik. Inisiatif baharu CPTPP termasuk:

- i. Suruhanjaya CPTPP ke-3 dan mesyuarat berkaitan yang dipengerusikan oleh Mexico telah diadakan secara maya dari 22 - 23 Julai 2020 dan dihadiri oleh semua negara anggota termasuk negara yang



berstatus pemerhati. Mesyuarat ini telah membincangkan dengan panjang lebar mengenai kepentingan untuk mengenal pasti kesan sebenar COVID-19 terhadap gangguan rantaian bekalan bagi membolehkan diagnosis yang spesifik dijalankan terhadap situasi kawasan perdagangan bebas CPTPP. Bagi menentukan kesan spesifik terhadap rantaian nilai dan bekalannya, mesyuarat telah bersetuju untuk negara Kanada menganjurkan bengkel secara maya mengenai Kesan CPTPP terhadap Rantaian Bekalan dan PKS.

- ii. Lanjutan daripada Suruhanjaya CPTPP ke-3 dan mesyuarat berkaitan, Kanada menerusi Jawatankuasa Daya Saing dan Pemudahan Perniagaan (*Competitiveness and Business Facilitation Committee, CBF*) telah berjaya menganjurkan bengkel secara maya mengenai Kesan CPTPP terhadap Rantaian Bekalan dan PKS dari 29 - 30 September 2020. Bengkel yang disertai oleh pakar bidang, terutamanya mengenai PKS dalam kalangan pegawai Kerajaan negara CPTPP bertujuan untuk berkongsi amalan terbaik bagi menilai kesan FTA dengan tumpuan kepada kesan terhadap PKS dan rantaian bekalannya. Inisiatif yang dijalankan menunjukkan perkembangan awal penting terhadap obligasi Jawatankuasa CBF untuk memulakan kajian sejauh mana CPTPP telah membantu pembangunan, pengukuhan dan pengoperasian rantaian bekalan dalam kawasan perdagangan bebas semasa tahun keempat selepas CPTPP berkuat kuasa. Suruhanjaya CPTPP ke-4 dan mesyuarat berkaitan akan dipengerusikan oleh negara Jepun pada tahun 2021.

Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (*Regional Comprehensive Economic Partnership, RCEP*)

Inisiatif RCEP telah dilancarkan pada bulan November 2012 dan rundingan Perjanjian bermula pada Mei 2013. Perjanjian RCEP, yang ditandatangani pada 15 November 2020 merupakan usaha besar yang melibatkan 15 negara, termasuk sepuluh negara anggota ASEAN dan lima rakan kongsi FTA ASEAN iaitu Australia, China, Jepun, Republik Korea dan New Zealand, menunjukkan kepada dunia bahawa RCEP mengutamakan integrasi ekonomi serantau yang membantu perdagangan rentas sempadan dan pelaburan serta memudahkan langkah-langkah bukan tarif.

RCEP mendorong penghapusan dan pengurangan tarif yang lebih besar untuk barang dagangan, termasuk pemudahan eksport dan import barang dalam kalangan negara-negara RCEP, yang mampu menjadi galakan yang sangat




diperlukan bagi pertumbuhan perniagaan Malaysia. Langkah-langkah ini adalah amat penting memandangkan rantau RCEP merupakan pusat pembuatan, merangkumi hampir 50.0% output pembuatan global terutamanya dalam sektor pengeluaran automotif dan elektronik. Sementara itu, penyedia perkhidmatan e-dagang akan dapat menikmati akses pasaran yang lebih luas dari segi bekalan rentas sempadan dan mewujudkan kehadiran komersial dalam pasaran RCEP. Tambahan lagi, RCEP akan mempromosikan, memudahkan dan melindungi pelaburan negara-negara serantau yang mengambil bahagian. Ini termasuk pertukaran maklumat dan promosi langkah-langkah ketelusan untuk memudahkan perniagaan dan pelaburan dalam kawasan RCEP.

Sebilangan besar negara RCEP sangat bersepadau dalam rantaian nilai global (*global value chain*, GVC). Menurut Persidangan Perdagangan dan Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations Conference on Trade and Development*, UNCTAD), rantau ini merangkumi 26.0% daripada jumlah rantaian nilai perdagangan global dunia (termasuk barang dan perkhidmatan) dan perdagangan bagi barang perantaraan berkembang pesat dalam negara RCEP dan negara bukan RCEP. Jumlah dagangan rantaian nilai global negara RCEP meningkat sebanyak 34.0% di antara tahun 2010 dan 2018, dengan rantaian nilai global dalam kalangan anggota RCEP berjumlah \$1.5 trilion pada tahun 2017. Keupayaan RCEP untuk menyokong pertumbuhan rantaian nilai intra-serantau dengan lebih lanjut boleh menjadi penting berikutnya jangkaan perubahan dalam perdagangan serantau dan corak pelaburan akibat ketegangan perdagangan yang mempengaruhi China, serta kepelbagaiaan rantaian bekalan dalam tempoh pasca-COVID dan trend pelaburan menjangkau ketahanan.

Rantaian nilai perdagangan antara anggota RCEP berpusat pada beberapa nod utama, dengan ASEAN sebagai satu kumpulan, China, Jepun dan Republik Korea merupakan hab rantaian nilai global utama seperti yang digambarkan dalam carta berikut:

Perjanjian RCEP, yang ditandatangani pada 15 November 2020 merupakan usaha besar yang melibatkan 15 negara, termasuk sepuluh negara anggota ASEAN dan lima rakan kongsi FTA ASEAN iaitu Australia, China, Jepun, Republik Korea dan New Zealand, menunjukkan kepada dunia bahawa RCEP mengutamakan integrasi ekonomi serantau yang membantu perdagangan rentas sempadan dan pelaburan serta memudahkan langkah-langkah bukan tarif.

Carta 2.1: Hubungan Rantaian Nilai dalam RCEP

Sumber: UNCTAD, berdasarkan pangkalan data UNCTAD-Eora, 2019

Note: Saiz bulatan mewakili bahagian rantaian nilai dagangan bagi intra-RCEP. Ketebalan garisan menggambarkan jumlah rantaian nilai dagangan. Hanya jumlah dagangan melebihi \$10 bilion diambil kira.


Sebagai FTA terbesar di dunia yang merangkumi 15 negara dengan 2.2 bilion atau 29.7% daripada populasi dunia, RCEP mewakili US\$24.8 bilion atau 28.9% daripada KDNK dunia, berdasarkan data Bank Dunia pada tahun 2018. Mengintegrasikan rantaian nilai RCEP merupakan peranan PKS, termasuk perusahaan mikro, yang mewakili lebih daripada 90.0% populasi perniagaan merentasi rantau. Menyedari hakikat ini, RCEP dapat memberi saingan yang setara antara negara-negara membangun dan paling kurang membangun sambil menawarkan potensi pasaran yang besar kepada PKS Malaysia yang kini akan bertambah daripada 32 juta populasi domestik kepada 2.2 bilion populasi serantau. Bagi tujuan ini, bahagian khusus mengenai PKS memberikan peruntukan bagi pertukaran maklumat dan promosi langkah-langkah ketelusan untuk memudahkan perniagaan dan pelaburan dalam rantau, termasuk memberikan kerjasama ekonomi dan teknikal terutamanya kepada PKS.

Walaupun anggota RCEP berbeza dari segi tahap pembangunan ekonomi yang mungkin menimbulkan cabaran untuk usaha integrasi, kepelbagaian ini meningkatkan daya tarikan terhadap kumpulan ini secara menyeluruh bagi tujuan pelaburan, dengan kelebihan letakan saling melengkapi antara anggota. Berlatarbelakangkan keadaan ini, RCEP akan menyumbang kepada kelestarian Malaysia sebagai hab perdagangan dan destinasi pelaburan pilihan.

Artikel Khas

SMEs Go Global

Perdagangan eksport yang kukuh merupakan pemacu utama pengembangan KDNK benar, pewujudan pekerjaan dan aliran pendapatan per kapita. Sebagaimana di negara-negara seperti China, Korea Selatan, Singapura dan negara-negara sedang pesat membangun yang lain, pertumbuhan dalam industri eksport telah menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara-negara berkenaan. Sebagai mengiktiraf peranan penting industri eksport dalam memacu pertumbuhan ekonomi, pada tahun 2014, Kerajaan telah memperkenalkan Program *Going Export* (Go-Ex) sebagai Program Berimpak Tinggi (*High Impact Programme*, HIP) 4 di bawah Pelan Induk PKS (2012 - 2020). Program Go-Ex telah dibangunkan dengan usaha sama Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan dijenamakan semula sebagai *SMEs Go Global* pada tahun 2020. Penjenamaan semula program ini mengambil kira jurang pelaksanaan dan isu-isu baharu seperti kos perkhidmatan logistik pengangkutan yang tinggi bagi pengangkutan laut dan udara serta penyimpanan barang sebelum penghantaran.



SMEs Go Global bertujuan memacu pengantarabangsaan PKS tempatan, terutamanya mereka yang berada dalam industri berpertumbuhan tinggi, serta bagi memudahkan penyertaan mereka dalam rantaian nilai global. Program ini telah dilancarkan pada 30 Januari 2020 dan dibuka untuk penyertaan secara rasminya pada 1 Julai 2020. Peserta program ini akan menerima bantuan kewangan dalam bentuk geran padanan, tertakluk kepada maksimum RM200,000 bagi setiap PKS. Skop bantuan kewangan untuk program ini merangkumi:

- Perkhidmatan penghubung pasaran;
- Perkhidmatan pakar pengamal (*practitioner expert*);
- Sewaan pejabat promosi jualan luar negara;
- Pembuatan prototaip produk untuk pembeli antarabangsa;
- Aktiviti pengurusan rantaian bekalan;
- Lawatan audit pembeli antarabangsa ke Malaysia;
- Aktiviti serapan pasaran luar negara;
- Pensijilan kualiti dan piawaian; dan
- Penyertaan dalam pasaran maya (*e-marketplace*).

SMEs Go Global bertujuan meningkatkan daya saing dan kemampuan PKS dalam menghasilkan produk yang memenuhi keperluan pasaran antarabangsa, dan seterusnya mendorong daya saing PKS di peringkat global. Matlamat utama *SMEs Go Global* adalah untuk membantu PKS menyumbang kepada peningkatan sebanyak 25.0% dalam nilai eksport negara menjelang akhir tahun 2025.

Artikel Khas

Platform Global bagi Menyokong Pengantarabangsaan PKS

Pengantarabangsaan menjadi kepentingan strategik dalam meningkatkan daya saing PKS. Memiliki kehadiran dalam pasaran global bukan sahaja dapat menjana pendapatan tambahan dan menyebarkan risiko untuk PKS tetapi juga dapat meningkatkan penjenamaan dan seterusnya menaikkan profil mereka dalam pasaran global. Walau bagaimanapun, tahap pengantarabangsaan PKS masih rendah. Sebagai contoh di Malaysia, walaupun 98.5% daripada pertubuhan perniagaan di negara ini merupakan PKS, bahagian peratusan eksport PKS hanyalah sebanyak 17.9% pada tahun 2019. Usaha untuk menggalakkan pengantarabangsaan PKS masih berterusan menerusi aktiviti-aktiviti, namun terhad untuk dijalankan pada waktu ini berikutan pandemik COVID-19. Bagi terus menyokong pengantarabangsaan PKS, tiga portal perdagangan antarabangsa – *Global Trade Helpdesk*, *UNCTAD Trade Portal* dan *Foresight Trade Portal* – telah dilancarkan untuk menyokong proses pengantarabangsaan PKS.

**Membawa perniagaan anda ke seluruh dunia.
Navigasi proses menerusi 3 portal perdagangan sekarang!**

GLOBAL TRADE HELPDESK

- Maklumat perdagangan dan perniagaan dalam satu portal dalam talian.
- Membandingkan permintaan di seluruh pasaran, meneroka tarif dan keadaan akses pasaran lain, mengakses butiran mengenai pembeli, menavigasi proses eksport, mencari rakan kongsi perniagaan dan mengambil bahagian dalam latihan dan tutorial secara percuma.

unctad.org

- 195 profil negara dengan gambaran asas mengenai situasi ekonomi dan kewangan untuk perbandingan antara negara.
- Statistik mengenai perdagangan antarabangsa dan trend ekonomi.

TRADE FORESIGHT

- Menganalisis pasaran, produk dan industri
- 1,000,000 pembeli dan penjual dari lebih daripada 180 negara
- Maklumat mengenai 7,000+ produk yang diperdagangkan di seluruh dunia

DUNIA DI HUJUNG JARI

Maklumat lanjut:
<https://www.smeinfo.com.my/international-sme-development/international-trade-portals>